

## **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

Kepada :  
Semua Pemungut-Pemungut Hasil Tanah,  
Kelantan.

### **PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 7 TAHUN 1966**

#### **SYARAT KELULUSAN DI BAWAH BAB 124 KANUN TANAH NEGARA NO.56/65, BAB 104 UNDANG-UNDANG TANAH NEGERI KELANTAN NO.26/38 DAN BAB 13A UNDANG-UNDANG SIMPANAN TANAH BAGI ANAK-ANAK MELAYU, NO. 18/30**

Majlis Mesyuarat Kerajaan pada 28hb. Ogos, 1966 telah menimbangkan Kertas Bil.19/502/66 II dan membuat keputusan bahawa apabila tindakan diambil di bawah salah satu ataupun kesemuanya daripada Undang-undang seperti di bawah ini maka hendaklah disemak hasil dan jika berkaitan dikenakan harga tanah tambahan seperti yang dicatitkan di bawah ini :-

- a) Apabila persetujuan Kerajaan diberi di bawah Bab 124 Kanun Tanah Negara No.56/65.
- b) Apabila persetujuan Kerajaan diberi di bawah Bab 104 Undang-undang Tanah Kelantan No.26/38 yang dilanjutkan kuasanya di perenggan 6(b) Jadual ke-12 K.T.N.
- c) Apabila persetujuan Kerajaan diberi di bawah Bab 13A Undang-undang Simpanan Tanah bagi Anak-anak Melayu No.18/30.

2. Apabila permohonan memaling lot diluluskan di bawah Bab 124 K.T.N maka hasil bagi tanah tersebut hendaklah dikira supaya hasil yang dikenakan itu mengikut Jadual Hasil sebagaimana ditetapkan dalam Peraturan Tanah Negeri Kelantan, 1966.

Jika hasil yang telah sedia lebih tinggi daripada hasil mengikut perkiraan di bawah Peraturan Tanah maka hasil tanah itu tidak diubah.

3. Apabila tanah yang berkenaan diluluskan di bawah Bab 124 itu diletaknya di luar kawasan Bandar ataupun Bandar kecil (i.e country land) ditukar syarat daripada tanah pertanian kepada tanah bangunan maka dikenakan harga tanah tambahan sebanyak 10% daripada perbezaan nilai pasaran tanah tersebut sebagai tanah pertanian dengan nilai tanah itu sebagai tanah bangunan. Misalnya apabila sebidang tanah itu berharga sebanyak \$3000/-sebagai tanah pertanian dan meningkat sebanyak \$8000/- - \$ 3000/-iaitu sebanyak \$500/- sahaja.

4. Apabila kelulusan diberi untuk membuat perkiraan di bawah Bab 13A, Undang-undang Simpanan Tanah bagi Anak-anak Melayu No.18/30 maka bagi tanah tersebut hendaklah dibuat perkiraan baharu akan hasilnya supaya hasil tahunan di atas tanah tersebut mengikut hasil tahunan yang ditetapkan di dalam Peraturan Tanah Kelantan, 1966. Jika hasil yang telah sedia lebih tinggi daripada hasil yang ditetapkan dalam Peraturan Tanah maka hasil tanah itu tidak diubah.

5. Apabila kelulusan M.M.K diberi untuk membuat perkiraan di bawah Bab 104 Undang-undang Tanah Kelantan, 26/38 yang dilanjutkan kuasanya di bawah perenggan 6(b) Jadual ke-12 Kanun Tanah Negara maka hasil bagi tanah yang dikenakan itu hendaklah dihitung semula supaya mengikut jadual hasil di bawah Peraturan Tanah Kelantan, 1966. Bagaimanapun sekiranya hasil yang telah sedia lebih tinggi lagi maka hasil tanah itu tidak diubah.

6. Keputusan di atas dijadikan panduan kepada semua Pemungut-pemungut Hasil Tanah melainkan di Jajahan Kota Bharu dan Bachok. Bagi Jajahan Kota Bharu dan juga bagi Jajahan Bachok keadaan di kedua-dua Jajahan itu adalah berbeza jika dibanding dengan Jajahan-jajahan lain. Bandar Kota Bharu adalah lebih maju lagu daripada Bandar-bandar lain di negeri ini maka oleh itu kajian istimewa haruslah diberi ke atas tanah-tanah dalam Bandar itu. Sebaliknya Bandar Bachok adalah lebih jauh kurang

majunya jika dibandingkan dengan Bandar-bandar lain di negeri ini dan dengan sebab itu jugalah harus diberi kajian istimewa di atas tanah-tanah dalam Bandar.

7. Apabila Pemungut Hasil Tanah Kota Bharu mengemukakan Kertas M.M.K bagi timbangan Majlis maka kadar hasil yang disyorkan untuk mendapat timbangan M.M.K di bawah Bab-bab tersebut di atas ialah sebagaimana berikut:-

- a) Bagi tanah untuk perumahan ialah seperti dalam Peraturan Tanah
- b) Bagi tanah perniagaan dikenakan sebanyak \$8/- bagi tiap-tiap 100 kaki persegi dengan syarat tidak kurang daripada \$10/- satu lot.
- c) Bagi tanah perusahaan dikenakan sebanyak \$10/- bagi tiap-tiap 100 kaki persegi dengan syarat tidak kurang daripada \$15/- satu lot.

8. Apabila Pemungut Hasil Tanah Bachok mengemukakan Kertas M.M.K bagi timbangan Majlis maka kadar hasil yang disyorkan untuk mendapat timbangan M.M.K di bawah Bab tersebut di atas ialah sebagaimana berikut:-

- a) Bagi tanah untuk perumahan ialah seperti dalam Peraturan Tanah.
- b) Bagi tanah untuk perniagaan dikenakan sebanyak \$2/- bagi tiap-tiap 1,000 kaki persegi dengan syarat tidak kurang daripada \$5/- satu lot.
- c) Bagi tanah perusahaan dikenakan sebanyak \$3/- bagi tiap-tiap 1,000 kaki persegi dengan syarat tidak kurang daripada \$10/- satu lot.

9. Pemungut Hasil Tanah adalah diingatkan supaya apabila mengemukakan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan untuk mendapat persetujuan di bawah salah satu daripada bab dalam perenggan 1(a), (b) dan (c) di atas ataupun kesemuanya sekali maka dalam Kertas M.M.K hendaklah dicatitkan hasil tiap-tiap satu lot yang akan dikenakan apabila persetujuan M.M.K diperolehi supaya Majlis dapat menimbangkan permohonan tersebut dengan telitinya. Semakan mengikut kadar yang ditetapkan di atas diikuti apabila hasil yang telah sedia dikenakan tidak melebihi hasil yang mungkin dikenakan mengikut kadar yang ditetapkan di atas. Sekiranya hasil yang telah sedia dikenakan melebihi hasil mengikut kadar di atas maka tidaklah perlu dibuat semakan hasil.

10. Di atas cuma ditetapkan berkenaan dengan kadar hasil dan tidaklah bermakna bahawa Pemungut Hasil Tanah tidak boleh membuat syor-syor yang lain untuk diimbangkan oleh M.K.K kerana mengikut Bab-bab berkenaan Majlis juga mungkin mengenakan sekatan hak dan syarat-syarat seperti syarat bangunan dan lain-lain apabila persetujuan diberi di bawah salah satu bab-bab tersebut. Di sini Majlis belum lagi membuat keputusan am berkenaan dengan perkara-perkara yang lain itu kerana syarat-syarat dan sekatan hak jika dikenakan haruslah diberi timbangan satu persatu mengikut keadaan ataupun kedudukan tiap-tiap satu permohonan itu.

11. Dengan dikuatkuasakan pengedaran ini pengedaran Pesuruhjaya Tanah dan Galian bil.2/66 dimansuhkan.

**t.t**  
**(Hashim bin Aman)**  
Pesuruhjaya Tanah dan Galian  
Kelantan

**PEJABAT PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN**

**KOTA BHARU: 17HB. SEPTEMBER, 1966**